

Tragedi perbankan Internet

Oleh FIRKHAN ALI HAMID ALI

INTERNET merupakan satu wadah atau platform baru dalam dunia teknologi untuk manusia menjalankan pelbagai urusan termasuklah perkhidmatan perbankan Internet.

Dengan perbankan Internet, pelbagai urusan bank seperti transaksi, pembelian, kemas kini akaun dan sebagainya tidak memerlukan kita berada di bank tersebut secara fizikal tetapi memadai berada di mana-mana sahaja yang ada kemudahan komputer dan talian Internet.

Keanjalan perkhidmatan ini memudahkan kebanyakan manusia tetapi ia harus diingat bahawa penggunaan yang tidak mematuhi kaedah secara selamat akan mengundang pelbagai masalah.

Akaun bank milik kita berkemungkinan dicerobohi dan yang lebih malang kesemua wang dalam simpanan akaun kita akan lesap dengan begitu sahaja.

Sistem pengesahan sebarang transaksi akaun yang disediakan oleh pihak bank untuk perbankan Internet kini adalah terbaik.

Pihak bank menggunakan sistem pengesahan dua faktor di mana ia memerlukan **pengguna** akaun memasukkan **kata laluan** yang diketahui bersama dengan kata kunci keselamatan atau *Transaction Authorization Code (TAC)* yang diterima menerusi telefon bimbit.

Kata kunci keselamatan atau TAC ini hanya sah digunakan untuk tempoh masa tertentu dan kebiasaannya hanya untuk satu jenis transaksi sahaja.

Namun begitu, masih ada lagi



PELANGGAN perbankan Internet perlu menjaga kerahsiaan butiran peribadi untuk mengelakkan wang mereka lesap. - Gambar hiasan

pengguna perbankan Internet ini berhadapan dengan masalah akaun mereka dicerobohi dan duit di dalam akaun mereka lesap begitu sahaja. Bagaimana ia berlaku?

Adakah ini kesilapan pengguna atau kelemahan sistem keselamatan perbankan Internet?

Bagaimanapun kita perlu melihat dahulu berkenaan dengan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ia berlaku.

Dalam keadaan biasa, seseorang tersebut akan memohon TAC apabila hendak membuat sebarang transaksi sebagai contoh untuk membayar bil.

Sistem daripada pihak bank akan menghantar TAC kepada beliau menerusi telefon bimbit. Dengan TAC tersebut, beliau sudah boleh membuat

urusan pembayaran bil secara atas talian.

Bagi keadaan yang luar biasa pula, seseorang itu diperangkap ke sebuah web dajal atau mendapat mesej e-mel dajal yang meminta ia memuat turun dan memasang satu program ke dalam telefon bimbitnya seperti *SymbOS/Mobispy.A* yang dipunyai oleh seseorang.

Bukan itu sahaja, dengan cara penipuan begini segala maklumat seperti nombor akaun, kata laluan, *log-in* dan sebagainya berjaya diperolehi oleh si tuan punya *e-mel* atau web dajal tersebut.

Apabila sesuatu transaksi hendak dibuat menerusi bank menerusi perbankan Internet, TAC itu bukan sahaja dihantar kepada telefon bimbit pemilik akaun bank tersebut tetapi juga dihantar ke telefon bimbit si pemilik program, web atau e-mel dajal tadi.

Dengan segala maklumat dan nombor TAC yang dimiliki, si pemilik web atau e-mel dajal tersebut akan cuba mengeluarkan segala wang yang ada daripada akaun bank si pengguna sasaran tadi dengan memindahkannya ke akaun bank yang lain.

Jadi pengguna bagi sesebuah bank berupaya dicerobohi oleh seseorang yang tidak bertanggung jawab.

Dengan itu, peranan penting perlu dimainkan oleh pemegang akaun bank dan pihak bank dalam memastikan aplikasi perbankan Internet ini adalah dalam keadaan yang terkawal dan selamat digunakan.

Masing-masing perlu mengetahui dalam mengendalikan tanggung jawab keselamatan terhadap perkhidmatan perbankan Internet ini.

Pihak bank perlu memastikan kesemua sistem keselamatan untuk perbankan Internet ini mestilah berada pada tahap yang sangat optimum dan para pemegang akaun bank pula perlu dididik dengan baik dan berkesan berkenaan dengan cara penggunaannya yang betul dan selamat.

Bagi pihak pemegang akaun bank pula perlu ada inisiatif sendiri bagi memastikan **penggunaan** perbankan Internet adalah **selamat** dengan melakukan beberapa langkah yang baik.

Ini termasuk menjaga kerahsiaan kata laluan dengan baik, menggunakan komputer-komputer atau telefon bimbit yang selamat sahaja untuk membuat sebarang transaksi perbankan Internet, tidak mudah terpedaya dengan e-mel atau web dajal, memastikan transaksi yang dibuat adalah dengan cara yang betul dan lain-lain.